

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN : 251**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anak luar nikah hasil hubungan lelaki warga Malaysia dengan warga asing dan perincian anak luar nikah yang menjadi warganegara Malaysia sejak 2016, 2017, 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran anak tidak sah taraf didaftarkan di bawah Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2016, 2017, dan 2018, sebanyak 6,679 orang anak tidak sah taraf yang didaftarkan bertaraf bukan warganegara. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 608 orang telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan dan sembilan (9) orang telah diluluskan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15 (2) dan Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan.